



Sebahagian premis Insaf Malaysia di Taman Setiawangsa dirobohkan DBKL.

(Foto FB Insaf Malaysia)

DBKL tetap roboh premis diduduki Insaf Malaysia

Tempoh kosongkan tapak dilanjutkan 2 minggu lagi

Oleh Amir Abd Hamid

amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kekal dengan keputusan merobohkan premis diduduki Pertubuhan Bantuan Teknikal Insaf Malaysia (Insaf Malaysia) dekat Taman Setiawangsa di sini dan memberi tempoh tambahan dua minggu kepada pihak terbabit untuk mengosongkan tapak berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata status tapak itu adalah milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan sudah diwartakan sebagai tanah lapang di bawah seliaan DBKL.

“Berdasarkan maklumat yang saya terima, operasi dibuat ada-

lah teratur mengikut peraturan.

“Beberapa siri libat urus dilaksanakan sejak Disember 2023 dan notis juga beberapa sudah kali dikeluarkan.

“Pihak pertubuhan itu juga bersetuju untuk mengosongkan tapak berkenaan selewat-lewatnya pada 31 Januari 2025,” katanya dalam satu kenyataan.

Dr Zaliha menegaskan, keputusan DBKL berdasarkan prosedur ditetapkan dan peraturan pihak berkuasa perlu dipatuhi.

“Walaupun operasi sudah dilaksanakan (semalam), DBKL masih memberi ruang untuk pihak terbabit mengosongkan tapak itu dalam tempoh dua minggu dari sekarang.

“Niat murni mereka amat saya hargai, terutama dalam melakukan kerja amal. Namun, peraturan dan garis panduan pihak berkuasa masih perlu dipatuhi,” katanya.

Sebelum ini, Presiden dan Pengasas Insaf Malaysia, Ishak Abdul Kadir, berkata pihaknya meminta DBKL dan Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad, mempertimbangkan

semula notis pengosongan yang dikeluarkan pada 28 Januari lalu dan dijadualkan berkuat kuasa pada 3 Februari 2025.

Proses cari lokasi baharu

Ishak mendakwa, pihaknya bukan menolak pembangunan atau enggan berpindah, tetapi masih dalam proses mencari lokasi baharu sebagai ganti kepada premis terbabit.

“Kami sudah menghantar surat kepada DBKL, Parlimen Setiawangsa, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pejabat Tanah supaya proses perobohan dapat ditangguhkan selama enam bulan, namun permohonan kami tidak didengari.

“Premis ini digunakan sejak 2011 dan menjadi pusat utama untuk pelbagai program kebajikan, termasuk pengagihan bantuan makanan kepada golongan memerlukan,” katanya.

Untuk rekod, bermula sekitar jam 8 pagi semalam, DBKL merobohkan pejabat dan dapur Insaf Malaysia di Taman Setiawangsa yang sudah beroperasi selama lapan tahun sejak ditubuhkan secara rasmi pada Jun 2011.